



Semarak International Journal of Current Research in Language and Human Studies

Journal homepage:
<https://semarakilmu.my/index.php/sijcrlhs/index>
ISSN: 3083-9572



Tahap Kefasihan Bertutur dalam Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur: Kepentingan Pemerksaan dalam Kurikulum

Level of Speak Fluency in Malay among Kuala Lumpur METrO Polytechnic Students: The Importance of Empowerment in the Curriculum

Radhiah smail^{1,*}, Kohilah Miundy², Norazlin Adan³

¹ Department of General Studies Politeknik METrO Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, Malaysia

² Department of Information Technology and Communication, Politeknik METrO Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, Malaysia

³ Department of Commerce, Politeknik METrO Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 21 October 2025

Received in revised form 23 November 2025

Accepted 29 November 2025

Available online 7 December 2025

ABSTRACT

Kefasihan bertutur dalam Bahasa Melayu merupakan kemahiran asas penting bagi pelajar politeknik, khususnya bagi memenuhi tuntutan komunikasi di alam pekerjaan. Kajian ini menilai tahap kefasihan bertutur pelajar serta meneroka potensi penambahbaikan kurikulum dalam menyokong kemahiran komunikasi lisan. Seramai 253 orang pelajar dari tiga jabatan akademik di Politeknik METrO Kuala Lumpur telah dipilih secara rawak sebagai responden. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik berstruktur yang merangkumi item skala Likert dan soalan terbuka. Hasil dapatan menunjukkan tahap kefasihan pelajar berada dalam julat sederhana ke tinggi dengan skor min antara 4.10 hingga 4.38. Nilai kebolehpercayaan yang tinggi diperoleh melalui Cronbach's Alpha iaitu 0.873 bagi kefasihan bertutur dan 0.920 bagi keberkesanan kurikulum, menandakan instrumen mempunyai konsistensi dalaman yang tinggi. Pelajar turut menyatakan keperluan kepada aktiviti pertuturan yang lebih praktikal seperti simulasi temu duga, latihan rakan sebaya, dan penggunaan alat digital. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan pengajaran diperkukuh melalui kurikulum yang lebih responsif dan kontekstual. Walaupun hanya dilaksanakan di satu institusi, dapatan kajian ini memberikan gambaran awal tentang keperluan reformasi pengajaran Bahasa Melayu di politeknik bagi melahirkan graduan yang fasih, yakin, dan bersedia untuk berkomunikasi secara efektif dalam dunia sebenar.

Oral fluency in the Malay language is a fundamental skill for polytechnic students, particularly in meeting workplace communication demands. This study assessed students' level of oral fluency and explored how curriculum enhancements could support the development of communication skills. A total of 253 students from three academic departments at Politeknik METrO Kuala Lumpur were randomly selected as respondents. Data were collected using a structured questionnaire comprising Likert-scale items and open-ended questions. The findings revealed that students'

* Corresponding author.

E-mail address: radhiah@pmkl.edu.my

<https://doi.org/10.37934/sijcrlhs.5.1.5462>

Keywords:

Kefasihan bertutur; komunikasi lisan;
Bahasa Melayu; politeknik; pemeraksanaan
kurikulum
*Speaking fluency; oral communication;
Malay language; polytechnic education;
curriculum enhancement*

oral fluency ranged from moderate to high, with mean scores between 4.10 and 4.38. Instrument reliability was confirmed through Cronbach's Alpha values of 0.873 for speaking fluency and 0.920 for curriculum effectiveness, indicating strong internal consistency. Students indicated a need for more practical speaking opportunities, including interview simulations, peer-based practice, and the integration of digital tools. The study recommends enhancing teaching strategies through a more responsive and contextualised curriculum. While limited to a single institution, the findings provide valuable insights into the need to re-evaluate the teaching of Malay language in Malaysian polytechnics to ensure graduates are fluent, confident, and well-prepared for workplace communication.

1. Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Kemahiran komunikasi lisan dalam Bahasa Melayu merupakan elemen asas yang membentuk graduan politeknik yang yakin, kompeten, dan berdaya saing dalam kerjaya. Kefasihan bertutur bukan sahaja penting dalam konteks pembelajaran dan tugas akademik, malah turut memainkan peranan utama dalam latihan industri, temu duga pekerjaan serta penglibatan dalam program komuniti. Sebagai bahasa kebangsaan, penguasaan Bahasa Melayu yang lancar adalah selari dengan aspirasi Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu (PTMBM) 2023–2030 yang menekankan kepentingannya dalam bidang akademik dan profesional [1].

Namun, kajian lepas masih terhad dalam menilai tahap kefasihan pelajar politeknik, khususnya dalam konteks formal seperti pembentangan akademik dan sesi temu duga. Antara faktor yang menyumbang kepada kelemahan ini termasuklah latar belakang sosioekonomi, pengaruh penggunaan bahasa rojak, serta kurangnya pendedahan kepada Bahasa Melayu baku [2]. Kursus intervensi yang dilaksanakan di politeknik pada masa ini lebih berfokus pada penulisan, manakala pendekatan inovatif seperti simulasi komunikasi, projek berasaskan lisan dan penggunaan teknologi pintar masih belum diterapkan secara meluas [3]. Tambahan pula, belum ada kajian yang meneliti secara khusus tahap kefasihan bertutur pelajar di Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL).

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan (i) menilai tahap kefasihan bertutur pelajar PMKL dan (ii) mencadangkan strategi pemeraksanaan kurikulum Bahasa Melayu yang lebih berkesan dalam meningkatkan kefasihan bertutur pelajar politeknik.

1.2 Pernyataan Masalah

Tahap komunikasi lisan pelajar politeknik masih belum optimum kerana penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran Bahasa Melayu, khususnya aspek komunikasi berkesan dan interaksi formal, belum dilaksanakan secara menyeluruh [4]. Walaupun kursus Bahasa Kebangsaan A diperkenalkan, fokusnya masih tertumpu kepada penulisan dengan latihan lisan yang terhad [5]. Pendekatan inovatif seperti simulasi komunikasi, kecerdasan buatan (AI), dan flipped classroom juga belum diaplikasikan secara sistematik [6], bertentangan dengan aspirasi Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu (PTMBM) 2023–2030 yang menekankan penggunaan Bahasa Melayu dalam semua konteks komunikasi [1]. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi menilai tahap kefasihan bertutur pelajar PMKL, mengenal pasti cabaran yang dihadapi, serta mencadangkan strategi kurikulum yang lebih kontekstual, interaktif dan praktikal.

1.3 Objektif Kajian

- i. Menilai tahap kefasihan bertutur dalam Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Politeknik METRo Kuala Lumpur.
- ii. Mencadangkan strategi pemeraksanaan kurikulum Bahasa Melayu yang lebih berkesan dalam meningkatkan kefasihan bertutur pelajar politeknik.

2. Sorotan Literatur

Dalam konteks pendidikan politeknik di Malaysia, pengajaran Bahasa Melayu masih lebih menekankan penulisan akademik berbanding kemahiran pertuturan. Kurikulum yang berorientasikan tugas bertulis mengehadkan peluang pelajar membina komunikasi lisan yang tersusun dan berkeyakinan [7], sekali gus menjejaskan keupayaan mereka menyampaikan idea secara berkesan dalam situasi formal seperti pembentangan dan temu duga [8]. Walaupun pendekatan pengajaran berasaskan komunikasi telah diperkenalkan, keberkesanannya masih terbatas. Kajian terdahulu juga mendapati sikap positif pelajar terhadap Task-Based Language Teaching (TBLT) mempunyai hubungan signifikan dengan prestasi pertuturan, menunjukkan kepentingan strategi pembelajaran berasaskan tugas dalam meningkatkan keyakinan berkomunikasi [9].

Rashidah Radzi, Aziz, dan Zainal [10] turut mendapati tahap kefasihan pelajar kekal tidak seimbang meskipun pendekatan komunikasi digunakan, menandakan perlunya strategi yang lebih tersusun dan kontekstual. Antara pendekatan yang terbukti berkesan ialah aktiviti interaktif seperti lakonan peranan, simulasi perbualan dan debat yang dapat meningkatkan keyakinan serta kelancaran pelajar [9,11].

Dari segi teknologi, Ismail, Roslan, dan Hamid [12] membuktikan integrasi kecerdasan buatan (AI) berupaya melatih sebutan dan intonasi pelajar secara lebih sistematik. Faktor media sosial turut mempengaruhi gaya pertuturan pelajar, di mana penggunaan bahasa rojak melemahkan penguasaan Bahasa Melayu formal [13]. Justeru, forum digital terkawal dan tugas komunikasi maya yang dipantau pensyarah boleh menjadi alternatif untuk melatih penggunaan bahasa baku dalam konteks moden.

Bagi pelajar bukan penutur jati, cabaran utama ialah kurangnya interaksi dalam Bahasa Melayu baku. Tan, Lim, dan Rajendran [14] mencadangkan pendekatan mentor bahasa, iaitu pelajar bukan jati dipadankan dengan penutur jati bagi meningkatkan keyakinan dan penguasaan bahasa melalui interaksi konsisten.

Dari perspektif teori, kajian ini berlandaskan Teori Sosiokultural Vygotsky [15] yang menekankan kepentingan interaksi sosial dalam Zone of Proximal Development (ZPD), serta Input Hypothesis Krashen [16] yang menegaskan keperluan penyampaian bahasa yang difahami pelajar dalam suasana pembelajaran kondusif dan tidak mengancam. Penekanan kepada latihan pertuturan berstruktur dan suasana kolaboratif selari dengan konsep ZPD melalui bimbingan bertahap (scaffolding), manakala aktiviti berisiko rendah seperti latihan rakan sebaya dan simulasi dapat menurunkan Affective Filter.

Secara keseluruhannya, meskipun pelbagai pendekatan telah diperkenalkan, pelaksanaan latihan pertuturan yang sistematik di politeknik masih terbatas. Oleh itu, kajian ini menegaskan keperluan reformasi pedagogi yang lebih kontekstual, berpusatkan pelajar, serta sejajar dengan tuntutan industri semasa.

3. Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan deskriptif dan inferensi bagi menilai tahap kefasihan bertutur pelajar serta persepsi mereka terhadap keberkesanan kurikulum Bahasa Melayu. Menurut Creswell dan Creswell [17], reka bentuk tinjauan sesuai digunakan apabila data dikumpul daripada sampel yang besar untuk tujuan generalisasi. Seramai 253 orang pelajar daripada tiga jabatan di Politeknik METrO Kuala Lumpur — Perhotelan dan Hospitaliti, Perdagangan, serta Teknologi Maklumat — telah dipilih berdasarkan jadual saiz sampel yang dibangunkan oleh Krejcie dan Morgan [18] bagi memastikan keterwakilan populasi yang mencukupi.. Pengumpulan data dijalankan menggunakan borang soal selidik dalam talian (Google Form) selama dua minggu iaitu dari 18 hingga 27 April 2025.

3.2 Instumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah soal selidik berstruktur yang diadaptasi dan diubah suai daripada Roni dan Mahamod [19] agar sesuai dengan konteks politeknik. Instrumen ini terdiri daripada dua bahagian utama, iaitu Bahagian A dan Bahagian B yang merangkumi sebanyak 30 item menggunakan skala Likert lima mata bagi menilai tahap kefasihan bertutur serta persepsi pelajar terhadap keberkesanan kurikulum. Seterusnya, Bahagian C mengandungi tiga soalan terbuka yang bertujuan untuk meneliti cabaran komunikasi yang dihadapi pelajar serta mendapatkan cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan kurikulum Bahasa Melayu di politeknik.

3.3 Prosedur Kajian Rintis dan Kesahan Instrumen

Bagi memastikan kesahan kandungan, soal selidik telah disemak oleh Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersil (UPIK),PMKL yang menilai kesesuaian konstruk, kejelasan item dan keterkaitannya dengan objektif kajian.Seterusnya, ujian rintis melibatkan 20 pelajar luar sampel sebenar dijalankan untuk menilai kefahaman, masa menjawab dan kebolegunaan instrumen.

3.4 Kebolehpercayaan Instrumen

Tahap kebolehpercayaan instrumen dianalisis menggunakan pekali Cronbach's Alpha. Berdasarkan piawaian umum, nilai $\alpha \geq 0.70$ dianggap boleh diterima, manakala nilai $\alpha \geq 0.80$ menandakan kebolehpercayaan yang tinggi sebagaimana dinyatakan oleh Sekaran dan Bougie, [21] serta Hair *et al.*, [27]. Keputusan analisis menunjukkan bahawa instrumen kajian ini mencapai tahap kebolehpercayaan yang baik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Nilai kebolehpercayaan mengikut komponen soal selidik

Komponen	Cronbach's Alpha (α)	Interpretasi
Tahap Kefasihan Bertutur	$\alpha = 0.873$	Kebolehpercayaan tinggi
Keberkesanan Kurikulum	$\alpha = 0.920$.	Kebolehpercayaan sangat tinggi
Keseluruhan Instrumen	$\alpha = 0.893$	Sangat boleh dipercayai

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Analisis Demografi Responden

Seramai 253 orang pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur telah terlibat dalam kajian ini. Taburan responden mengikut jantina adalah 48.2% lelaki dan 51.8% perempuan. Dari segi jabatan, majoriti pelajar terdiri daripada Jabatan Perhotelan dan Hospitaliti (54.1%), diikuti oleh Jabatan Perdagangan (25.7%) dan Teknologi Maklumat (20.2%).

4.2 Analisis Kebolehpercayaan Instrumen

Jadual 2 memperincikan nilai kebolehpercayaan mengikut komponen utama instrumen kajian. Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi berdasarkan analisis *Cronbach's Alpha*. Secara khusus, Bahagian A (Tahap Kefasihan Bertutur) mencatatkan nilai $\alpha = 0.873$, manakala Bahagian B (Persepsi Kurikulum) mencatatkan nilai $\alpha = 0.920$. Menurut Nunnally dan Bernstein [20], nilai α melebihi 0.70 dianggap mempunyai kebolehpercayaan yang memuaskan. Oleh itu, nilai keseluruhan instrumen yang diperoleh iaitu $\alpha = 0.893$ membuktikan bahawa instrumen kajian ini adalah stabil, konsisten, dan boleh dipercayai untuk digunakan dalam kajian sebenar.

Jadual 2

Nilai kebolehpercayaan mengikut komponen soal selidik

Komponen	Cronbach's Alpha (α)	Interpretasi
Tahap Kefasihan Bertutur	$\alpha = 0.873$	Kebolehpercayaan tinggi
Keberkesanan Kurikulum	$\alpha = 0.920$	Kebolehpercayaan sangat tinggi

4.3 Tahap Kefasihan Bertutur

Analisis deskriptif Bahagian A seperti dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur secara umumnya memiliki tahap kefasihan bertutur yang tinggi dengan nilai min keseluruhan antara 4.10 hingga 4.34 dan sisihan piawai 0.85 hingga 0.98, menandakan persetujuan responden yang konsisten. Skor tertinggi dicatat pada aspek komunikasi tidak formal, khususnya kebolehan berbual secara sopan ($M = 4.34$) dan bertutur dalam situasi harian ($M = 4.31$), menunjukkan kecekapan pelajar dalam interaksi santai. Sebaliknya, skor terendah diperoleh pada item berkaitan komunikasi formal seperti pembentangan ($M = 4.10$; $SP = 0.98$) dan temu duga ($SP = 0.97$), menandakan cabaran besar dalam konteks rasmi yang memerlukan keyakinan lebih tinggi [10], [16]. Secara keseluruhannya, dapatan ini menyokong objektif pertama kajian serta menjadi asas kepada cadangan strategik untuk memperkukuh elemen komunikasi formal dalam kurikulum Bahasa Melayu politeknik bagi membina keupayaan komunikasi profesional pelajar [15].

Jadual 3

Skor min dan sisihan piawai tahap kefasihan bertutur

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Saya boleh bertutur dengan lancar dalam situasi harian.	4.31	0.88
2. Saya boleh menyusun ayat yang gramatis dalam pertuturan.	4.15	0.95
3. Saya dapat menyampaikan idea dengan jelas dan teratur.	4.19	0.92
4. Saya yakin bertutur dalam situasi formal seperti pembentangan.	4.10	0.98
5. Saya menggunakan kosa kata yang sesuai dalam perbualan.	4.27	0.88
6. Saya dapat menggunakan nada suara dan intonasi dengan betul.	4.17	0.93

7. Saya boleh bertutur dengan yakin semasa sesi temu duga.	4.12	0.97
8. Saya boleh berbual secara sopan dalam pelbagai situasi.	4.34	0.85
9. Saya mudah faham arahan dan maklumat yang disampaikan secara lisan.	4.23	0.89
10. Saya dapat membina hujah yang baik semasa berdiskusi.	4.20	0.91
11. Saya selesa bertutur dengan rakan berlainan latar belakang.	4.28	0.86
12. Saya boleh memberi pendapat secara spontan dalam kelas.	4.21	0.87
13. Saya dapat menggunakan Bahasa Melayu baku dalam pertuturan.	4.24	0.89
14. Saya boleh bertutur dengan baik dalam aktiviti rasmi.	4.18	0.93
15. Saya dapat menjawab soalan secara lisan dengan yakin.	4.26	0.85

4.4 Keberkesanan Kurikulum

Analisis deskriptif Bahagian B seperti dalam Rajah 7 menunjukkan bahawa pelajar secara konsisten memberikan respons positif terhadap keberkesanan kurikulum Bahasa Melayu dengan nilai min keseluruhan antara 4.10 hingga 4.38 dan sisihan piawai 0.75 hingga 0.97, menandakan tahap kesepakatan yang tinggi. Item dengan skor tertinggi, iaitu kesediaan mengikuti latihan tambahan ($M = 4.38$), menggambarkan komitmen pelajar terhadap penambahbaikan kefasihan, selaras dengan aspirasi kurikulum yang lebih praktikal [11]. Skor tinggi juga dicatat pada aktiviti luar bilik darjah seperti kelab bahasa, pidato, dan simulasi temu duga, yang terbukti memberi peluang latihan dalam konteks autentik [11,15]. Sebaliknya, skor lebih rendah pada aspek kesesuaian kursus dengan keperluan kerjaya ($M = 4.10$) dan penggunaan teknologi ($M = 4.14$) menunjukkan keperluan penyesuaian semula kandungan serta integrasi teknologi yang lebih strategik [12]. Dapatan ini menyokong objektif kedua kajian bahawa meskipun kurikulum sedia ada bermanfaat, pemerkasaan berfokuskan pertuturan melalui latihan simulasi, bimbingan pensyarah, aplikasi digital, dan aktiviti luar bilik darjah amat diperlukan bagi menyediakan pengalaman komunikasi yang lebih luas dan bermakna [15].

Jadual 4

Skor min dan sisihan piawai keberkesanan kurikulum

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Kurikulum politeknik sedia ada telah banyak membantu kefasihan bertutur saya.	4.18	0.93
2. Aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu di politeknik sangat membantu komunikasi saya.	4.17	0.97
3. Saya memerlukan lebih banyak latihan amali bertutur dalam kursus Bahasa Melayu.	4.25	0.83
4. Penggunaan aktiviti komunikasi interaktif (perbincangan, forum, debat) amat berkesan.	4.17	0.93
5. Pembelajaran berbantuan teknologi (contoh: video, AI) membantu kefasihan saya.	4.14	0.97
6. Saya ingin lebih banyak penilaian secara lisan dalam kursus Bahasa Melayu.	4.23	0.85
7. Pensyarah memberi maklum balas terhadap pertuturan saya.	4.16	0.89
8. Kursus Bahasa Melayu sekarang sesuai dengan keperluan kerjaya saya.	4.10	0.91
9. Latihan pembentangan dalam kelas membantu saya bertutur dengan yakin.	4.27	0.83
10. Saya suka jika terdapat lebih banyak peluang bercakap dalam kelas.	4.28	0.81
11. Saya menyarankan modul khas kemahiran bertutur diperkenalkan.	4.29	0.80
12. Saya menyarankan agar aktiviti simulasi temu duga dan forum dijalankan secara berkala.	4.31	0.78
13. Aktiviti luar bilik darjah (kelab bahasa, pidato) membantu saya bertutur dengan baik.	4.32	0.76
14. Saya menyokong penggunaan aplikasi digital untuk latihan bertutur.	4.20	0.88
15. Saya bersedia mengikuti latihan tambahan untuk memperbaiki kefasihan saya.	4.38	0.75

4.5 Analisis Kualitatif : Soalan Terbuka

Analisis jawapan terbuka responden mengenal pasti tiga tema utama berkaitan kefasihan bertutur dalam Bahasa Melayu, iaitu kekurangan latihan formal, keperluan modul tambahan dan aktiviti lisan, serta kepentingan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan disokong teknologi. Responden menyatakan bahawa ketiadaan latihan berstruktur, khususnya dalam pembentangan dan temu duga, menjejaskan keyakinan mereka, sejajar dengan dapatan kuantitatif Bahagian A yang mencatat min terendah pada item komunikasi formal [11]. Sebagai respons, mereka mencadangkan pelaksanaan modul khas atau aktiviti tambahan seperti forum, debat, simulasi temu duga, dan persembahan akademik untuk memperkukuh kurikulum. Tambahan pula, mereka menekankan pentingnya sokongan pensyarah, suasana bilik darjah yang kondusif, serta penggunaan teknologi seperti rakaman video dan aplikasi AI sebagai elemen penting dalam mewujudkan pembelajaran yang kontekstual dan berpusatkan pelajar, selari dengan dapatan kuantitatif Bahagian B [12,15].

4.6 Analisis Inferensi dan Saiz Kesan

Kajian ini turut menjalankan analisis inferensi untuk menilai perbezaan tahap kefasihan berdasarkan jantina dan jabatan serta hubungannya dengan persepsi terhadap kurikulum. Dapatan menunjukkan tiada perbezaan signifikan berdasarkan jantina, $t(251) = 0.54$, $p > .05$, dengan saiz kesan yang sangat kecil (Cohen's $d = 0.06$), menunjukkan jantina bukan faktor penentu utama [21]. Namun, analisis ANOVA sehalu mendapati perbezaan signifikan mengikut jabatan, $F(2,250) = 4.12$, $p < .05$, $\eta^2 = 0.032$, di mana pelajar Hospitaliti menunjukkan tahap kefasihan lebih tinggi berbanding Teknologi Maklumat ($p < .05$), manakala Perdagangan berada di antara keduanya tanpa perbezaan signifikan [21]. Selain itu, terdapat hubungan positif sederhana antara kefasihan dan persepsi terhadap keberkesanan kurikulum, $r(253) = 0.47$, $p < .01$, yang mencadangkan kurikulum berorientasikan komunikasi menyumbang kepada tahap kefasihan yang lebih tinggi [21].

5. Rumusan

5.1 Perbincangan

Kajian mendapati tahap kefasihan pelajar berada pada paras sederhana ke tinggi (min 4.10–4.38), namun keyakinan dalam situasi formal seperti pembentangan dan temu duga masih rendah. Hal ini menunjukkan keperluan latihan pertuturan berstruktur yang menyokong Zone of Proximal Development (ZPD) Vygotsky [15] melalui bimbingan bertahap. Pada masa yang sama, suasana pembelajaran yang tidak mengancam penting bagi menurunkan Affective Filter seperti diuraikan oleh Krashen [16], khususnya melalui aktiviti berisiko rendah seperti latihan rakan sebaya dan simulasi.

Analisis ANOVA turut menunjukkan perbezaan signifikan antara jabatan, dengan pelajar Teknologi Maklumat mencatat skor kefasihan lebih rendah berbanding Perdagangan dan Perhotelan. Perbezaan ini menegaskan keperluan kurikulum yang kontekstual dan seimbang merentas program, selaras dengan konsep Communicative Competence Hymes [22] yang menekankan keberkesanan bahasa dalam konteks sosial.

5.2 Limitasi Kajian

Kajian ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan, namun beberapa batasan perlu dipertimbangkan. Skop yang terhad kepada Politeknik METrO Kuala Lumpur mengehadkan

generalisasi dapatan, manakala penggunaan soal selidik skala Likert hanya menilai persepsi tanpa pengesahan melalui prestasi lisan sebenar [17].

5.3 Saranan untuk Kajian Lanjutan

Kajian ini dijalankan di PMKL sahaja. Kajian lanjutan boleh diperluas ke politeknik lain bagi mendapatkan gambaran nasional. Kaedah campuran (*mixed-method*) yang lebih mendalam seperti temu bual dan pemerhatian juga boleh digunakan untuk memahami faktor afektif dan sosial yang mempengaruhi kefasihan.

5.4 Kerangka Pelaksanaan dan Analisis Kos-Manfaat

Berdasarkan dapatan kajian dan cadangan pelajar, kerangka pemeraksanaan kurikulum Bahasa Melayu di politeknik dirancang dalam tiga tahap. Tahap 1 (jangka pendek) menekankan latihan tambahan bertutur, penilaian lisan berkala, serta aktiviti interaktif seperti forum, perbincangan kes dan simulasi kelas [22]. Tahap 2 (jangka sederhana) melibatkan pembangunan modul khas kemahiran bertutur seperti Bahasa Melayu Profesional dan integrasi teknologi melalui aplikasi AI, rakaman video reflektif serta platform digital [12]. Tahap 3 (jangka panjang) pula memberi penekanan kepada kolaborasi dengan industri dalam bentuk simulasi komunikasi sebenar yang berorientasikan sektor perhotelan, perdagangan dan teknologi maklumat bagi meningkatkan pengalaman autentik pelajar [15]. Dari segi kos dan manfaat, pelaksanaan ini boleh dijalankan secara berperingkat dengan beban kewangan rendah hingga sederhana tetapi berimpak tinggi terhadap peningkatan kefasihan, keyakinan dan kebolehpasaran graduan seperti Jadual 6 di bawah.

Jadual 6

Jadual kerangka pelaksanaan dan analisis kos-manfaat

Tahap / Cadangan	Anggaran Kos	Manfaat Utama
Tahap 1 (Jangka pendek)	Rendah (guna fasiliti sedia ada, aplikasi percuma)	Pelaksanaan segera, meningkatkan keyakinan pelajar, pendedahan komunikasi formal awal.
Tahap 2 (Jangka sederhana)	Sederhana (pembangunan modul, latihan pensyarah)	Peningkatan berterusan kefasihan, rekod prestasi pelajar, penggunaan teknologi sebagai alat sokongan.
Tahap 3 (Jangka panjang)	Sederhana (kerjasama luar, kos logistik)	Pendedahan autentik, pengalaman komunikasi industri, kebolehpasaran graduan meningkat dengan ketara.

5.6 Kesimpulan

Kajian ini mendapati pelajar Politeknik METrO Kuala Lumpur lebih fasih dalam komunikasi harian berbanding konteks formal seperti pembentangan dan temu duga. Analisis inferensi menunjukkan jantina tidak signifikan, namun wujud perbezaan antara jabatan dengan hospitaliti paling tinggi, perdagangan sederhana, dan teknologi maklumat paling rendah. Keberkesanan kurikulum didapati mempunyai hubungan positif sederhana dengan kefasihan, menekankan kepentingan pengajaran interaktif dan teknologi. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan keperluan pemeraksanaan kurikulum Bahasa Melayu secara holistik, pelajar-sentrik, dan berorientasikan industri bagi melahirkan graduan yang fasih, yakin, dan kompeten.

Rujukan

- [1] Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu (PTMBM) 2023–2030. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, 2023
- [2] Kementerian Pendidikan Malaysia. Dasar Pendidikan Bahasa Melayu. Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019. <https://www.moe.gov.my>
- [3] Ahmad, Anuar, and Radhiah Ismail. "Tahap Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 46, no. 1 (2021): 62–75
- [4] Abdullah, Noraini, and Zainal Hassan. "The Role of Oral Fluency in Academic Achievement: A Study among Malaysian Undergraduates." *Asian Journal of Education and Training* 6, no. 3 (2020): 400–407. <https://doi.org/10.20448/journal.522.2020.63.400.407>
- [5] Ahmad, Norazlin, Mohd Jamaludin, and Rozita Halim. "Language Proficiency and Communication Challenges among Polytechnic Students." *Journal of Technical and Vocational Education* 4, no. 2 (2019): 55–66. <https://doi.org/10.30880/jtve.2019.04.02.007>
- [6] Nur Atika Daud, and Zamri Mahamod. "Hubungan Kemahiran Abad ke-21 dengan Gaya Pembelajaran dalam Pembelajaran Bahasa Melayu." *Jurnal Pendidikan Malaysia* 46, no. 2 (2021): 29–38. <https://doi.org/10.17576/JPEN-2021-46.02-03>
- [7] Hassan, Ahmad, and Mazlina Mahmud. "Keberkesanan Simulasi Perbualan dan Debat dalam Meningkatkan Kefasihan Bertutur Bahasa Melayu." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10, no. 1 (2020): 32–47. [https://doi.org/10.17576/jpbm-2020-10\(1\)-03](https://doi.org/10.17576/jpbm-2020-10(1)-03)
- [8] Rashidah Radzi, Noraini, A. A. Aziz, and A. Zainal. "Keberkesanan Pendekatan Pengajaran Berteraskan Komunikasi dalam Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 12, no. 1 (2022): 56–71. [https://doi.org/10.17576/jpbm-2022-12\(1\)-05](https://doi.org/10.17576/jpbm-2022-12(1)-05)
- [9] Ismail, Khairul, Nor Roslan, and Fatin Hamid. "Integrasi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pengajaran Bahasa Melayu: Implikasi terhadap Kefasihan Pelajar Politeknik." *Jurnal Pendidikan Inovatif* 15, no. 1 (2025): 44–58
- [10] Omar, Siti. "Code-Switching Practices among Malaysian Students: Implications for Language Fluency." *Journal of Language and Communication* 6, no. 2 (2019): 23–34. <https://doi.org/10.17576/jlc-2019-0602-03>
- [11] Tan, Siew Ling, Chia Kok Lim, and Parameswari Rajendran. "Challenges in Integrating Communicative Competence in Malaysian ESL Classrooms." *Asian Journal of Education Research* 10, no. 2 (2024): 112–126
- [12] Vygotsky, Lev S. *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press, 1978
- [13] Krashen, Stephen D. *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. Oxford: Pergamon Press, 1982
- [14] Creswell, John W., and J. David Creswell. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. 5th ed. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, 2018
- [15] Krejcie, Robert V., and Daryle W. Morgan. "Determining Sample Size for Research Activities." *Educational and Psychological Measurement* 30, no. 3 (1970): 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- [16] Roni, Mohd, and Zamri Mahamod. "Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kemahiran Bertutur Pelajar IPT." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 14, no. 1 (2024): 55–70
- [17] Nunnally, Jum C., and Ira H. Bernstein. *Psychometric Theory*. 3rd ed. New York: McGraw-Hill, 1994
- [18] Pallant, Julie. *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using IBM SPSS*. 7th ed. London: McGraw-Hill Education, 2020
- [19] Vygotsky, Lev S. *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press, 1978
- [20] Krashen, Stephen D. *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. Oxford: Pergamon Press, 1982
- [21] Hymes, Dell. On Communicative Competence. In J. B. Pride and J. Holmes, eds. *Sociolinguistics: Selected Readings*, 269–293. Harmondsworth: Penguin, 1972
- [22] Hymes, Dell. *Foundations in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press, 1974